



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

UCAPAN ALUAN

**YB. DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

SEMPENA

**PROGRAM SUKARELAWAN JIWA MALAYSIA (SJM)
NEGERI SARAWAK**

21 OKTOBER 2017 (SABTU)

11.30 PAGI

**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PUSA,
BETONG SARAWAK**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Keluarga Bahagia.

<SALUTASI>

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhana Wata'ala kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul di hari yang penuh bermakna ini sempena Program Sukarelawan Jiwa Malaysia (SJM) Negeri Sarawak.
2. Terima kasih juga kepada warga Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak, Pejabat Residen, Pejabat Daerah Pusa, Pejabat Pendidikan Bahagian Betong, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Pusa, Betong, dan Jabatan Penerangan Daerah Betong di atas sokongan padu dalam menjayakan program ini.
3. Ini merupakan **Program 3-Dalam-1**, iaitu selain Program Sukarelawan Jiwa Malaysia, ia turut merangkumi program *ISM Ministerial Dialogue* dan *MOST School*

PROGRAM SUKARELAWAN OLEH KPWKM DAN AGENSI-AGENSINYA

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Selari dengan kandungan Akta Fungsi Menteri 1969, KPWKM yang saya terajui telah diberi mandat untuk menggerakkan sukarelawan di negara ini.

5. Justeru, KPWKM dan semua agensi di bawahnya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) mempunyai barisan sukarelawan dengan bidang pengkhususan masing-masing yang sentiasa bersedia sedia memberi bantuan apabila diperlukan oleh masyarakat terutama kumpulan sasaran KPWKM. **Bilangan sukarelawan di bawah KPWKM dan agensi-agensinya setakat ini adalah seramai 182,410 orang.**

6. Kementerian sentiasa berusaha menyubur dan menyemarakkan semangat kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat di seluruh negara. Melalui aktiviti ini, para sukarelawan berpeluang membantu Kementerian khasnya dan negara amnya dengan menghulurkan bantuan dan pertolongan kepada masyarakat yang memerlukan seperti warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan juga semasa berlaku bencana seperti banjir, kebakaran, tanah runtuh dan sebagainya.

7. **Sukarelawan Kebajikan di bawah JKJ ditubuhkan sejak tahun 1985 dengan jumlah sukarelawan sehingga Julai 2017 adalah seramai 10,101 orang.** Pasukan sukarelawan tersebut telah melaksanakan pelbagai aktiviti kesukarelawanan di seluruh negara terutama menerusi program Bantu di Rumah (*home help*).

8. Sehingga Julai 2017, seramai 1,698 orang sukarelawan Kebajikan JKM telah terlibat dalam program *home help* yang memberi faedah kepada 4,339 orang warga emas serta 1,356 orang kurang upaya. **Bagi negeri Sarawak, seramai 311 orang sukarelawan telah terlibat dalam program *home help* yang memberi faedah kepada 553 orang warga emas dan 301 orang kurang upaya.** Alhamdulillah seramai 2,800 Sukarelawan JKM tersebut telah selesai dilatih oleh ISM melalui Program *Outreach*, Bengkel Asas Sukarelawan dan Bengkel Asas Kaunseling.
9. **Di bawah JPW pula, Kementerian melalui inisiatif NBOS telah menubuhkan pasukan sukarelawan wanita yang dikenali sebagai komuniti PERWANI 1Malaysia dengan matlamat membentuk satu perkumpulan jaringan wanita (dengan ahli antara 10 hingga 20 orang wanita bagi setiap kumpulan) sebagai agen transformasi di peringkat komuniti.**
10. Dengan kekuatan jaringan PERWANI, penyaluran dan penyebaran maklumat mengenai sesuatu perkara terutamanya perkhidmatan Kerajaan, dapat disampaikan kepada masyarakat di peringkat akar umbi dengan lebih berkesan, termasuklah pelaksanaan kerja-kerja kesukarelawan.
11. Setakat ini **bilangan ahli PERWANI adalah seramai 172,309 orang di mana seramai 577 orang daripadanya telah dilatih oleh ISM melalui Bengkel Kesukarelawanan dan Asas Kaunseling.** ISM akan terus melatih ahli-ahli PERWANI sebagai sukarelawan berilmu.

12. Bermula dari tahun 2010 sehingga Julai 2107, **ISM telah memberi latihan asas kesukarelawan kepada 12,500 orang sukarelawan seluruh negara** (termasuk sukarelawan di bawah KPWKM dan agensi-agensinya) di mana kesemua sukarelawan ini telah didaftarkan di dalam pangkalan data sukarelawan di ISM.

13. Bagi **Negeri Sarawak sahaja, seramai 2,337 orang sukarelawan telah diberi pendedahan dan latihan sukarelawan melalui 15 program latihan sukarelawan yang telah dijalankan di seluruh negeri sepanjang tempoh tersebut.**

SUKARELAWAN JIWA MALAYSIA: “PASUKAN TANGKAS”

Para hadirin yang dihormati sekalian,

14. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada ISM kerana **berjaya mengadakan kursus khas kepada 61 orang sukarelawan di tiga (3) buah DUN Parlimen Batang Lupar iaitu Lingga, Sebuyau dan Beting Maro dari 1 hingga 4 Oktober 2017 yang lalu.**

15. Kursus Sukarelawan Jiwa Malaysia (SJM) yang diberikan nama “Pasukan Tangkas” di Zon Sarawak ini merupakan kursus yang diberikan kepada sukarelawan yang telah dilatih oleh ISM melalui Bengkel Asas, Bengkel Kejurulatihan (*Training for Trainers*, TOT)

serta individu yang menunjukkan minat dalam aspek kesukarelawanan dan kepimpinan.

16. Saya berharap Sukarelawan Jiwa Malaysia “Pasukan Tangkas” Parlimen Batang Lupa, Sarawak ini akan dapat menyumbangkan tenaga kerja dan bantuan kepada penduduk setempat dan berhampiran dengan cepat, tangkas dan sistematik apabila diperlukan seperti sewaktu bencana alam dan musibah-musibah lain.
17. Bagi memantapkan lagi pengurusan sukarelawan dan pertubuhan berkaitan kesukarelawanan di negara ini, ISM bersama Universiti kebangsaan Malaysia (UKM) telah melaksanakan **“Kajian Pembangunan Kerangka Ke Arah Menggerakkan Sukarelawan Secara Optimum”** pada tahun 2016.

IKON SUKARELAWAN JIWA MALAYSIA

Para hadirin yang dihormati sekalian,

18. KPWKM melalui ISM ingin mengiktiraf sukarelawan yang berkarisma untuk dijadikan ikon sukarelawan dan kami berpandangan **Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) adalah pemimpin terbaik untuk dijadikan sebagai ikon sukarelawan.**
19. Pada hari ini kita akan menyaksikan 3 orang ADUN dari DUN Beting Maro, Sebuyau dan Lingga diberi pengiktirafan sebagai Ikon

Sukarelawan Jiwa Malaysia di Sarawak khususnya di kawasan Parlimen Batang Lupar.

20. Pengiktirafan ini adalah sebagai dorongan untuk setiap DUN agar dapat mengadakan lebih banyak kerja-kerja amal dan sukarela yang memberi manfaat kepada komuniti dan masyarakat setempat.
21. Ikon Sukarelawan Jiwa Malaysia akan bertindak sebagai pemimpin kepada kumpulan Sukarelawan Jiwa Malaysia "Pasukan Tangkas" di DUN masing-masing. Saya mengharapkan dengan pengiktirafan ini, gerak kerja dan sumbangan para sukarelawan dalam kawasan Parlimen Batang Lupar ini akan menjadi lebih signifikan dan menjadi contoh kepada gerakan sukarelawan di kawasan-kawasan lain di seluruh negara.

MOST SCHOOL

Para hadirin yang dihormati sekalian,

22. Dikesempatan ini, saya juga ingin mewar-warkan berkaitan MOST School. MOST ini merujuk kepada United Nation's Management of Social Transformations Programme yang merupakan salah satu program transformasi sosial di bawah UNESCO.
23. Manakala **MOST School** pula adalah satu bentuk pengiktirafan yang telah diberikan kepada ISM oleh UNESCO. Peranan utama ISM sebagai **MOST School** adalah fokus kepada aktiviti pembangunan kapasiti bagi memperkukuhkan kompetensi

dalam penggubalan dasar yang berbentuk pembuktian bermaklumat atau "evidence informed decision making" bagi negara ini yang merupakan ahli dalam UNESCO. Pelbagai program sedang dan akan dilaksanakan oleh ISM dan pihak Kementerian bagi menggalas tugas dan tanggungjawab baharu ini.

PENUTUP

24. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Institut Sosial Malaysia, Unit Komunikasi Korporat (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat), Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak, Sekolah Menengah Kebangsaan Pusa, pasukan keselamatan, pihak media serta semua pihak yang telah bekerjasama menjayakan Program Sukarelawan Jiwa Malaysia (SJM) pada hari ini.

Dengan lafaz **Bismilahirrahmanirrahim**, saya dengan ini merasmikan **Program Sukarelawan Jiwa Malaysia (SJM) Negeri Sarawak** dengan tema **“Anjakan Paradigma Sukarelawan Dalam Menghadapi Cabaran Sosial Negara”** pada hari ini.

Sekian. Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.